

# Bentuk graduan berdaya saing

BH 23.11.2013 2

**Kota Kinabalu:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) bukan saja membentuk graduan berdaya saing dan cemerlang dalam akademik, malah aktif dalam program berbentuk kemasyarakatan.

Ini terbukti apabila lebih 500 program berbentuk kemasyarakatan seperti khidmat masyarakat, bakti siswa dan aktiviti bersama masyarakat serta pelajar luar bandar dilaksanakan penuntut UMS sejak Januari lalu.

Timbalan Naib Canselor UMS, Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur, berkata ini menunjukkan kecermerlangan penuntut UMS, sama ada di peringkat kebangsaan maupun antarabangsa merangkumi pelbagai bidang.

## Pelajar mampu bersaing

Ia juga membuktikan penuntut UMS setaraf dan mampu bersaing dengan mahasiswa luar negara.

Justeru, katanya, adalah menjadi tanggungjawab Hal

Ehwal Pelajar dan Alumni bukan saja menjaga kebaikan penuntut, tetapi yang lebih utama membentuk modal insan kelas pertama yang seimbang dalam aspek akademik dan kemahiran insaniah.

## Bangga kejayaan pelajar

"Bagi pihak pengurusan tertinggi UMS, kami berbangga dengan pencapaian dan kejayaan penuntut UMS. Saya percaya, pelbagai kejayaan lain

*"Kami berbangga dengan pencapaian dan kejayaan penuntut UMS. Saya percaya, pelbagai kejayaan lain yang pastinya akan menyusul"*

**Dr Kasim Md Mansur,**  
Timbalan Naib Canselor UMS



Juhar (dua dari kanan) bersama Zaki (dua dari kiri), Dr Mohd Harun (kanan) dan Dr Kasim (kiri) pada majlis perasmian Tamu Gadang Universiti Malaysia Sabah (UMS).

[FOTO LANO LAN/BH]

yang pastinya akan menyusul," katanya pada majlis perasmian Tamu Gadang sempena Konvokesyen UMS Ke-15 dalam kelmarin.

Perasmian Tamu Gadang disempurnakan Yang di-Pertua Negeri, Tun Juhan Mahiuddin.

Turut hadir, isterinya, Toh Puan Norlidah RM Jasni; Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tun Zaki Azmi dan Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr

Mohd Harun Abdullah.

Kasim berkata, aktiviti kurikulum yang dianjurkan dan disertai mendatangkan hasil yang cukup memberangsangkan dan membanggakan, sama ada di peringkat negeri, kebangsaan maupun antarabangsa.

Antaranya, UMS menjadi juara Festival Tari Malaysia peringkat Sabah, naib johan pertandingan Pengkisahan Kebangsaan.